

PETIK pacu industri katering

Putrajaya: Kualiti makanan dan perkhidmatan ditawarkan tidak sama dengan yang dijanjikan, jumlah makanan tidak mencukupi untuk tetamu, selain penyedia makanan tidak hadir walaupun bayaran sudah dijelaskan.

Itu antara aduan diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berhubung masalah dihadapi pengguna terhadap syarikat katering.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal

Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, berdasarkan statistik pada 2014, KPDNHEP hanya menerima lima aduan berbanding 65 aduan pada tahun lalu sekali gus menunjukkan peningkatan.

"Demikian juga dengan nilai tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang telah menerima RM414,645 pada tahun lalu berbanding hanya RM22,000 pada tahun 2014.

"Justeru, pengguna juga diminta lebih teliti ketika

membuat bayaran seperti menyimpan resit pembayaran serta tidak mengambil mudah mengenai hal ini," katanya pada sidang media Hari Terbuka Industri Katering KPDNHEP dan Pelancaran Pelan Tindakan Industri Katering (PETIK) 2020 di sini, semalam.

Berhubung pelan berkenaan, beliau berkata, ia bertepatan 'Memacu Industri Katering dan Kesedaran Pengguna' iaitu sedikit sebanyak akan membantu industri perkhidmatan katering membangun dengan lebih tersusun.